

Ibrahim berhak tuntut takhta

B.H 11 APR 1993

SUBANG: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Tengku Datuk Ibrahim Tengku Indra Petra berhak menuntut takhta. Kelantan sebagaimana diu-mumkannya Khamis lalu.

Bagaimanapun, katanya, tuntutan itu perlu dibuat melalui kaedah yang biasa diamalkan di negara ini, termasuk melalui Mahkamah Khas.

"Itu (keputusan) adalah hak dia (Tengku Ibrahim) untuk menuntut dan ia mestilah dibuat melalui saluran yang diterima sebagai amalan dalam negara ini termasuk melalui undang-undang," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Ibrahim, Khamis lalu untuk menuntut takhta Kelantan selepas beliau memikirkan secara serius dan mendalam.

Menurut Ibrahim, beliau akan berbuat apa saja termasuk mengemukakan kes berkenaan di Mahkamah Khas dan Majlis Perajaan Negeri yang bertanggungjawab mengendalikan kes membabitkan raja-raja.

Ditanya mengenai keputusan polis Kelantan menolak permohonan untuk mengadakan perhimpunan di depan Istana Balai Besar, Kota Bharu, semalam, Perdana Menteri berkata:

"Itu terpulang kepada pegawai polis yang bertanggungjawab membuat penilaian terhadap sesuatu permohonan.

"Jika pegawai yang bertanggungjawab berpendapat ia (perhimpunan) adalah satu ancaman terhadap keselamatan, terpulanglah kepada pihak berkuasa. Saya tidak ada di sini untuk campur tangan," katanya.

Sementara itu, ketika

ditemui di pejabatnya di Kuala Lumpur, Ibrahim menjelaskan beliau membuat tuntutan itu berasaskan kepada sejarah kesultanan Kelantan.

Beliau meminta rakyat Kelantan bertenang menghadapi pertikaian mengenai isu tuntutan takhta Kelantan.

Menurutnya, beliau memerlukan masa yang sesuai sebelum mengemukakan tindakan selanjutnya bagi membuktikan kesahihan pewaris takhta kesultanan Kelantan.

"Saya meminta rakyat Kelantan bertenang menghadapi isu initerutamanya kaum kerabat yang menunjukkan sokongan penuh dan tidak sabar-sabar menunggu tinjauan selanjutnya," katanya

Mengenai penggunaan namanya ketika perhimpunan di Kelantan semalam, Ibrahim berkata beliau tidak menyangka pihak terbabit akan berbuat demikian.

Bagaimanapun, beliau memahami hasrat dan kehendak rakyat Kelantan yang malukan perubahan politik dan ekonomi.

Ditanya khabar-khabar angin mengatakan lebih 50 peratus daripada rakyat Kelantan menyokongnya, Ibrahim berkata walaupun beliau tidak tahu-menahu mengenai ia, ia adalah petanda baik.

Mengenai keengganan Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat campur tangan dalam isu itu, beliau berkata keputusan itu adalah terpulang kepada kerajaan negeri.

"Lagipun, itu adalah pandangan orang politik. Tetapi saya bukan ahli politik. Saya cuma menuntut hak saya mengikut sejarah dan salasilah ke-

LIHAT MUKA 2

Kecewa sikap orang lama istana

DARI MUKA 1

sultanan Kelantan," katanya.

Setakat ini, beliau masih mengkaji kedudukan Majlis Perajaan Negeri (MPN), yang diketuai oleh Tengku Aziz Hamzah, abang kepada Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah.

"Majlis itu dianggotai oleh seorang presiden, timbalan presiden, setiausaha kerajaan negeri selaku setiausaha majlis, mufti negeri, empat ahli kerabat diraja dan enam hingga 12 ahli biasa yang dipilih di kalangan orang Melayu Kelantan," katanya.

Mengenai hubungannya dengan Sultan Kelantan, Ibrahim berkata beliau hanya berjumpa sekali setahun iaitu ketika hari keputeraan.

"Walaupun saya sepupu sultan, saya terpaksa mengikut protokol jika ingin menghadap.

"Saya juga kecewa kerana setakat ini, belum ada kalangan orang lama istana Kelantan yang berjumpa bagi membincangkan tuntutan itu sebaliknya masing-masing berdiam diri," katanya.